

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI  
[ BATU PAHAT ]**

**TARIKH : 15 MAC 2017 (RABU)**

**Datuk Mohd Idris Bin Jusi [ Batu Pahat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini rancangan untuk menjual aset-aset Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) di luar negara, termasuk yang telah dijual, sedang dijual, dan akan dijual, serta pulangannya.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, FELDA masih lagi belum menjual aset-aset milik FELDA di luar negara. Walau bagaimanapun, cadangan bagi penjualan aset-aset milik FELDA ini masih lagi dalam kajian untuk dipertimbangkan.

Sekian. Terima kasih.